

Headline	Pesta Tasik Biru pukau pengunjung		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 Oct 2017	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	1789 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,168
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 27,504

Pesta Tasik Biru pukau pengunjung

PENGANJURAN Pesta Tasik Biru menarik lebih 50,000 pengunjung dari seluruh Sarawak termasuk Semenanjung Malaysia dan luar negara.

Pesta tahunan yang sinonim dengan penganjuran Regata Jong tersebut sinonim dengan acara sukan air tradisional kegemaran masyarakat tempatan.

Penganjuran pesta tiga hari kali ini dianggap festival paling berjaya dan terbesar pernah diadakan di Bau.

Acara utama yang berlangsung selama tiga hari sempena penganjuran Pesta Tasik Biru iaitu sambutan ulang tahun ke-60 Majlis Daerah Bau dan majlis pecah tanah bangunan baharu Kompleks Pejabat Daerah Bau yang dirasmikan Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Abang Openg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Anthony Nogueh Gumbek berkata, dia berbangga dengan festival kali ini yang paling berjaya diadakan.

Katanya, lebih ramai pengunjung luar negara akan datang ke daerah ini untuk melawat tempat tarikan pelancongan sekali gus menjadikan ia hab petancongan.

"Festival tahun ini amat memuaskan dengan kedat-

angan pengunjung dari dalam daerah dan luar Bau.

"Kita berharap tahun depan dalam usaha untuk mempromosikan Bau, kita boleh mencuba untuk menarik penyertaan negara jiran seperti Kalimantan (Indonesia), Brunei, China dan Semenanjung Malaysia dan Sabah," katanya pada Majlis Penutupan Pesta Tasik Biru.

Pegawai Daerah Bau, Aniella ak Siam berkata, sebanyak 30 aktiviti berlangsung sempena berlangsung Pesta Tasik Biru iaitu menjurus kepada aktiviti sukan, pendidikan, pentas hiburan dan sebagainya.

Katanya, perlumbaan Jong merupakan perlumbaan sukan air yang amat popular di kalangan penduduk tempatan dijangka menarik pengunjung tempatan dan luar negara.

"Beberapa acara lain yang berlangsung seperti pertandingan menyumpit, tarik tali berakut, pertandingan gusti lengan, pertandingan gubahan



ADUN Opar, Ranum ak Mina melawat gerai jualan FAMA.

bunga SABATI Daerah Bau, pertandingan mewarna kanak-kanak dan sebagainya.

"Acara lain yang berlangsung seperti pertandingan Ratu Tasik Biru 2017, Bau Kitchen, jualan kraf tangan dan cenderamata FAMA, permainan dan pertandingan video games, bau bikers, auto show, power boat race, perlatas hiburan dan sebagainya," katanya.

Seorang pelancong tempatan, Fatimah Abdullah berkata, perlumbaan Regata Jong sempena penganjuran Tasik Biru memiliki keunikan tersendiri.

"Saya sanggup datang dari Sri Aman untuk menyaksikan

perlumbaan Regata Jong. Pelbagai aktiviti termasuk jualan cukup memuaskan kami," katanya.

Sementara itu, ADUN Tasik Biru, Dato Henry Harry ak Jinep berkata, dia berpuas hati dengan penganjuran festival tiga hari hari tersebut yang mempamerkan pelbagai aktiviti menarik.

Katanya, Tasik Biru akan dinaik taraf sebagai kawasan Taman Pelombongan Emas antara produk pelancongan untuk tarikan pelancong ke

Daerah Bau. Menurutnya, jika Tasik Biru dinaik taraf, penganjuran Pesta Tasik Biru akan lebih berprestij pada masa akan datang menerusi kehadiran pelan-



Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg melihat demonstrasi anggota tentera selepas merasmikan Pesta Tasik Biru 2017.

cong luar negara.

Katanya, perancangan dan perbincangan dibuat untuk merealisasikan naik taraf Tasik Biru tercapai.

Kata, pihaknya berusaha menarik pelabur bagi bersama-sama memajukan Tasik Biru. "Kami masih menunggu keputusan daripada kerajaan negeri terutama cadangan

naik taraf Tasik Biru sebagai produk pelancongan Daerah Bau," katanya selepas Program Zumba Cergas bersama rakyat di Pentas Utama, Tasik Biru Bau 2017 semalam.

Henry berkata, Taman Pelombongan Emas merupakan kawasan rekreasi dan riadah untuk masyarakat tempatan dan pelancong luar negara.

Sementara itu, ADUN Serembo Miro ak Simuh berkata, projek naik taraf Tasik Biru untuk dijadikan Taman Pelombongan Emas sebagai 'nafas baharu' tarikan pelancong luar negara ke daerah Bau.

Katanya, kertas kerja cadangan pembinaan Taman Pelombongan Emas dihantar pada Mei lalu.



Pengunjung melihat pameran daripada Angkatan Tentera Malaysia lebih dekat.

Perlumbaan bot laju memukau pengunjung.



Pengunjung turut memeriahkan Pesta Tasik Biru.



Motosikal berkuasa tinggi turut menarik perhatian pengunjung.



Jualan daripada pentas turut menarik pengunjung.



Perlumbaan Regata Jong.

Headline	Pesta Tasik Biru pakaian pengunjung		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 Oct 2017	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	1789 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,168
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 27,504

